

Cadangan akan dibawa ke Kabinet

Kurangkan kuasa PM dalam IPCMC

Oleh **DIANA AZIS**

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 6 OGOS

CADANGAN supaya kuasa Perdana Menteri dalam Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) dikurangkan, akan dibawa ke Kabinet.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong berkata, cadangan tersebut disuarakan beberapa pihak yang mahu memastikan suruhanjaya berkenaan bebas campur tangan politik.

“Perubahan dalam Rang Undang-Undang (RUU) IPCMC masih boleh dilakukan kerana ia

baru sekali dibacakan di Dewan Rakyat dan sebarang perubahan boleh berlaku pada bacaan kedua atau ketiga.

“Ada pihak yang mahu RUU ini diubah berkaitan beberapa perkara termasuklah kuasa Perdana Menteri,” katanya selepas sesi penerangan dan perbincangan RUU IPCMC, di sini hari ini.

Sesi penerangan tersebut turut dihadiri wakil Suara Rakyat Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dan Majlis Peguam Malaysia.

Mengulas lanjut Vui Keong berkata, hanya lima hingga 10 peratus daripada 60 klausa RUU berkenaan dicadangkan untuk dipinda dan perkara itu akan dibawa ke Kabinet sebelum di-

muktamadkan.

“Apa yang dicadangkan hari ini saya akan bawa ke Kabinet terlebih dahulu dan harap lepas ini akan ada lagi sesi taklimat dengan pihak polis selain perubahan masyarakat.

“Bacaan kali kedua RUU IPCMC dijangka dibentangkan sebelum pembentangan Bajet 2020, Oktober nanti dalam sidang Dewan Rakyat,” katanya.

Sebagai rekod, RUU IPCMC kali pertama dibacakan di Dewan Rakyat pada 18 Julai lalu.

Penubuhan IPCMC bertujuan menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ke arah meningkatkan integriti dan keupayaan Polis Diraja Malaysia.